



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

STATISTIK TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan **DUA (2)** lagi kes yang telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang ke rumah hari ini.
- Dua (2) kes tersebut adalah:
 - **Kes ke-17** : Merupakan seorang wanita tempatan berumur 65 tahun dan merupakan kontak rapat kepada kes ke-9. Beliau sebelum ini di Hospital Sungai Buloh setelah disahkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2020.
 - **Kes ke-18**: Merupakan seorang lelaki tempatan berumur 31 tahun yang bekerja di Macau, China. Beliau sebelum ini dirawat di Hospital Sungai Buloh setelah disahkan positif COVID-19 pada 9 Februari 2020.
- Sehubungan itu, jumlah kes yang telah pulih sepenuhnya dan discaj sehingga hari ini ialah **15**.
- KKM juga ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, 19 Februari 2020.
- Jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak 22 kes dengan **hanya tujuh (7) kes masih dirawat di wad**.

VIRTUAL HEALTH ADVISORY

- Untuk makluman, Virtual Health Advisory adalah saluran digital yang dihasilkan secara kolaborasi di antara KKM dan satu platform tele-medicine iaitu DoctorOnCall.
- Ini merupakan inisiatif *Corporate Social Responsibility* (CSR) daripada DoctorOnCall di mana orang awam boleh akses kepada program *Virtual Health Advisory* ini secara percuma bagi tempoh 3 bulan.
- *Virtual Health Advisory* ini merupakan salah satu langkah untuk menyampaikan maklumat dan mengurangkan kekeliruan orang awam berkaitan dengan penyakit COVID-19 ini.
- Dengan platform ini, orang awam boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada Pakar Perubatan Keluarga (*Family Medicine Specialist*) atau pegawai perubatan KKM melalui perbualan atas talian.
- Waktu khidmat nasihat adalah dari 8 .30pagi hingga 5 .00 petang setiap hari. Perkhidmatan ini boleh dicapai melalui sesawang www.moh.gov.my. Pelanggan boleh menggunakan talian bimbit /laptop/ tablet/ desktop dengan kamera.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

19 Februari 2020